

TALKING POINT

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSOLOR**

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 23 FEBRUARI 2010

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang Hao, Magandang umaga (Bahasa Filipina), ahroonsawad (Thailand).

Ladies and gentlemen,

Tomorrow, I will be delivering an overview of hopes and aspirations on the Vice Chancellor's Annual Keynote Address 2010 which will be held at Dewan 2020 Kangar.

This is a platform for all of us to share our aspirations and dreams, and at the same time to constantly remind us to improve ourselves.

It is my hope that all of you would be present at the event for this would help us to re-evaluate ourselves and support our beloved university in achieving our aims and goals.

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi indah ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan UniMAP.
- Baru-baru ini kita dikejutkan dengan berita mengenai pelajar IPT yang terlibat dengan ajaran sesat mengenai amalan sekumpulan pelajar yang membenarkan perkahwinan tanpa nikah sehingga menyebabkan seorang pelajar mengandung tujuh bulan.
- Ianya sesuatu yang membimbangkan dan saya bersyukur kerana pelajar kita tidak terlibat dalam aktiviti seperti ini. Walaubagaimanapun, pihak universiti akan melakukan pemantauan yang berterusan bagi mencegah dari perkara ini berlaku.
- Ini kerana pada usia sebegini golongan mahasiswa sememangnya dahagakan ilmu dan menggunakan pelbagai alternatif untuk mencari ilmu itu. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar yang betul segala ilmu tadi akan salah tafsirkan.

- Oleh itu, kita perlulah membimbing dan memberikan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada mahasiswa agar tidak terpesong akidahnya.

Hadirin sekalian,

- Esok kita semua bakal mendengar amanat yang akan disampaikan oleh saya pada Program Ucaptama Tahunan Naib Canselor 2010 bagi mewakili pihak pengurusan UniMAP untuk menyatakan hasrat dan cita-cita untuk tahun 2010.
- Untuk pengetahuan kakitangan yang baru menyertai warga UniMAP, program ini merupakan acara tahunan yang diadakan sejak penubuhan KUKUM lagi.
- Program ini menjadi platform bagi warga UniMAP termasuk kakitangan dan pelajar untuk mendengar dan berkongsi harapan, cita-cita, disamping memberi teguran agar kita dapat memperbaiki diri untuk membangunkan UniMAP yang kita sayangi.

- Oleh itu, saya berharap agar semua warga UniMAP akan menghadirkan diri pada program tersebut agar dapat memuhasabahkan diri dan membantu universiti mencapai apa yang kita hajati sebelum ini.

Hadirin sekalian,

- Untuk pengetahuan semua, pada 28 Februari ini, julung kalinya kita bakal menerima kunjungan dari Menteri Sains Teknologi dan Inovasi yang juga Menteri Mentor UniMAP, Datuk Seri Maximus Ongkili sempena lawatan kerja beliau ke sini.
- Beliau akan dibawa melawat ke sekitar kampus UniMAP seperti di Clean Room, Teaching Factory dan Kampus Tetap UniMAP di Ulu Pauh. Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada semua kakitangan yang terlibat dapat memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan lawatan kerja YAB menteri itu nanti.
- Memandangkan UniMAP adalah sebuah universiti kejuruteraan, kita seharusnya berasa bertuah kerana

diberikan menteri Mentor dari MOSTI dan seharusnya kita menggunakan peluang ini untuk berkongsi idea dan pengetahuan dalam bidang teknologi dan inovasi.

- Sebagai Naib Canselor saya berasa sangat terharu dan bertuah di atas kesudian beliau untuk datang ke UniMAP. Semoga dengan kunjungan ini akan membuka lembaran baru antara UniMAP dan MOSTI.
- Sama-samalah kita memanfaatkan ukhwah ini sebaik mungkin untuk kegemilangan UniMAP.
- Sebelum saya mengakhiri ucapan, terimalah serangkap pantun:

Rama-rama terbang di taman

Hinggap sebentar di pohon melati

Komitmen semua pemangkin kejayaan

Mendokong visi menjadi realiti

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.